

NO. SOALAN : 85

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB DR. LEE BOON CHYE
[GOPENG]**

SOALAN :

**YB Dr. Lee Boon Chye [Gopeng] minta PERDANA
MENTERI menyatakan bilangan rumah PR1MA yang siap
dibina dan diserahkan kepada pembelinya.**

**JAWAPAN: YB DATO' SERI SHAHIDAN BIN KASSIM,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga kini sebanyak 8,475 unit kediaman PR1MA telah siap dibina iaitu di Presint 11, Wilayah Persekutuan Putrajaya, Kuala Ketil serta Sungai Petani 1 & 2 di Kedah, Alam Damai di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Taman Nusantara dan Layangkasa di Johor dan Bagan Serai, Bandar Meru Raya, Kamunting dan Sungai Siput di Perak.

Berkenaan jualan kediaman PR1MA, sebanyak 6,277 pembeli telah pun selesai menandatangani Perjanjian Jual Beli (*Sales and Purchase Agreement - SPA*). Manakala 8,747 unit kediaman yang lain telah ditempah dan masih berada dalam proses kelulusan pinjaman oleh pihak bank. Setelah selesai proses tersebut, barulah pembeli akan menandatangani SPA.

Selain itu untuk makluman Ahli Yang Berhormat selanjutnya, sebanyak 131,489 unit kediaman (129 projek) sedang dalam pembinaan di seluruh negara. Oleh itu, PR1MA menjangkakan lebih banyak projek yang akan siap pada tahun ini.